

## Pemikiran Kritis Dalam Teks Naladiyar

**M.Sangar**  
Jabatan Pengajian India  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
m\_sangar@hotmail.com

### Abstract

This study examines as critical thinking featured in *Naladiyar*, a masterpiece of work of *sangam maruviya kalam*. The purpose of this research is to identify and reveal the critical thinking as practiced by the early Tamil community during the period of *Naladiyar*. It employed qualitative approach which focuses on content analysis mainly library research where by literary interpretation method has been employed. In order to showcase the critical thinking of the *Naladiyar*, an approach of FRISCO was used. The FRISCO approach comprises six main elements of critical thinking namely Focus, Reason, Inference, Situation, Clarity and Overview. The findings indicate that *Naladiyar* has critical thinking elements in it which goes along with FRISCO. Furthermore, *Naladiyar* is emphasizing awareness all along in its text and awareness is identified as an important element in *Naladiyar*. The researcher has derived a new approach named FARISCO from FRISCO, where the 'A' stands for awareness. The findings on the critical thinking in *Naladiyar* can be used as a guide to the future generation, apart from that it can be a foundation for future researchers in the effort to deepen the understanding for critical thinking in detail based on any classical Tamil literature.

### Abstrak

Kajian ini mengkaji tentang pemikiran kritis yang dipaparkan dalam teks *Naladiyar*, salah sebuah karya yang disunting pada zaman selepas *sangam*. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan mendedahkan pemikiran kritis masyarakat Tamil pada zaman *Naladiyar* yakni masyarakat yang paling awal mula menggunakan pemikiran kritis. Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif yang menjurus kepada analisis kandungan dan penyelidikan perpustakaan di mana kaedah interpretasi kesusasteraan digunakan. Bagi mendedahkan pemikiran kritis, pendekatan FRISCO digunakan. FRISCO, terdiri daripada, enam elemen utama iaitu *Focus, Reason, Inference, Situation, Clarity* dan *Overview*. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemikiran kritis wujud dalam teks *Naladiyar* dan ia menunjukkan keserasian dengan FRISCO. *Naladiyar* dalam semua sajaknya turut menekankan kesedaran sebagai satu elemen yang penting. Maka, suatu pendekatan baru yang dinamakan FARISCO diterbitkan daripada FRISCO di mana 'A' merujuk kepada *Awareness*. Penemuan kajian ke atas pemikiran kritis pada zaman *Naladiyar* dapat dijadikan panduan kepada generasi akan datang, selain menjadi perintis kepada kajian-kajian akan datang dalam usaha mendalami pemikiran kritis secara terperinci berdasarkan mana-mana hasil kesusasteraan Tamil.

### ஆய்வுச் சுருக்கம்:

நாலடியாரில் உய்யச் சிந்தனை எனும் தலைப்பிலான இந்த ஆய்வு, சங்கம் மருவிய கால நூலான நாலடியாரில் உள்ள உய்யச் சிந்தனையை ஆய்வுசெய்து வெளிக்கொணர்கிறது. 400 பாடல்களைக் கொண்டுள்ள நாலடியார், திருக்குறளுக்கு ஒப்பான புகழ்மிக்க நீதி நூலாகும். நாலடியார் பாடல்கள் வழியாக, நாலடியார் காலத்தில் வாழ்ந்த மக்களிடையே விரவியிருந்த உய்யச் சிந்தனையை அடையாளம் கண்டு; வெளிப்படுத்துவதே இந்த ஆய்வின் முதன்மை நோக்கம். தமிழர்கள் உய்யச் சிந்தனையை பயன்படுத்திய உலகின் முதல் குடிகள் என்ற முடிவுக்கும் இந்த ஆய்வு இட்டுச் செல்லக்கூடும். நூலகப் பயன்பாட்டின் வழி இலக்கிய உட்கிடக்கையை பகுத்தாய்ந்து முடிவுகளுக்கு இட்டுச் செல்லும் இந்த ஆய்வு பண்புசார் ஆய்வாகும் (qualitative research). சேகரிக்கப்பட்ட தரவுகள் மிகத் துல்லியமாக வகைப்படுத்தப்பட்டு; அவற்றிலுள்ள உய்யச் சிந்தனைகள் FRISCO அணுகுமுறை மூலம் ஆய்வுக்குட்படுத்தப்பட்டன. FRISCO என்பது குவியம்(F), காரணம்(R), அனுமானம்(I), சூழல்(S), தெளிவு(C) மற்றும் பார்வை(O) என்ற ஆறு கூறுகளைக் கொண்டதாகும். இந்த ஆய்வின் வழியாக கிடைத்த தெரிவுகள், முடிவுகளாக வழங்கப்பட்டுள்ளன. நாலடியாரில் உய்யச் சிந்தனைக் கூறுகள் இருப்பதை இந்த ஆய்வு முடிவு எடுத்துணர்த்துகிறது. உய்யச் சிந்தனை வெளிப்பாட்டில் நாலடியார் 'விழிப்புணர்வு' என்ற கூறுக்கும் மிக முக்கிய இடமளித்திருப்பது இந்த ஆய்வில் தெரியவந்துள்ளது. இதனைக் குறிப்பிடும் வகையில் A என்ற எழுத்தை

இணைத்து, FARISCO என்ற புதிய அணுகுமுறையை ஆய்வாளர் உருவாக்கியுள்ளார். இந்த ஆய்வு முடிவுகள் அடுத்தக்கட்டமாக செய்யப்படும் பல ஆய்வுகளுக்கு தொடக்கமாகவும், முன்னோடியாகவும் அமையுமென்பதில் ஐயமில்லை.

Kata kunci: FRISCO, Kesusasteraan Tamil, Naladiyar, Pemikiran Kritis

திறவுச் சொற்கள்: ஃபிரிஸ்கோ, தமிழ் இலக்கியம், நாலடியார், விமர்சன சிந்தனை

## **Pendahuluan**

Pemikiran memainkan peranan yang amat penting dalam menghubungkan manusia. Ia berfungsi sebagai instrumen yang memberi sumbangan terbesar dalam perkongsian maklumat sesama manusia. Sejak zaman Socrates, iaitu sejak 2500 tahun dahulu lagi pertamadunan manusia telah mula memberi kepentingan kepada kemahiran berfikir (Kartheges, 2017).

## **Latar Belakang Kajian**

Pemikiran adalah suatu perkembangan yang berkaitan dengan akal di mana ia memerlukan kesalinghubungan antara pengetahuan, kemahiran, amalan serta sikap untuk membolehkan seseorang memahami dan membentuk persekitarannya. Setiap manusia mempunyai cara dan gaya berfikir yang berbeza dan tersendiri walaupun pada dasarnya kesemua manusia menjalani proses berfikir. Hasil daripada cara dan gaya berfikir yang berbeza ini tahap pemikiran yang terhasil juga berbeza. Seseorang yang mengamalkan pemikiran kritis, kebiasaannya menaksir sesuatu idea dengan teratur dan sistematik. Asalnya perkataan ‘kritis’ adalah daripada perkataan Inggeris “*critic*”. Kata dasar bagi perkataan kritis merupakan perkataan Greek yang berbunyi “*kritikos*” (kritiks) yang membawa maksud mempertimbang (*judge*) (Kartheges, 2017).

## **Permasalahan Kajian**

Dunia kini cenderung mengagungkan falsafah barat yang dikatakan lebih teratur dan dinamik (Devnath, 1997). Maka masyarakat kini lebih berminat atau mempunyai kecenderungan menjadikan Barat sebagai model atau contoh dalam mempertingkatkan diri mereka ke arah kemajuan dan pembangunan. Mereka kurang berminat untuk menikmati dan memperkasa tamadun sendiri. Maka, kajian ini bertujuan untuk mengalih pandangan masyarakat kini yang lebih cenderung mengagungkan karya barat kepada karya – karya tradisi Tamil khususnya *Naladiyar* yang telah mempelopori tamadun dunia dengan pelbagai teori dan amalan yang lebih jitu dan sistematik yang tiada tolok bandingan.

## **Objektif Kajian**

1.1.1 Mengkaji penerapan pemikiran kritis dalam teks *Naladiyar*

1.3.2 Mengutarakan keagungan pemikiran para cendekiawan tradisi Tamil adalah setara dengan teori pemikiran kini

## **Kepentingan Kajian**

Pelbagai kajian mengenai teks *Naladiyar* terutamanya berasaskan nilai moral yang terkandung di dalamnya telah dilakukan setakat ini namun kajian ini menganalisis teks *Naladiyar* berpandukan pemikiran kritis, khususnya pendekatan FRISCO. Kajian ini diharapkan boleh menyumbang input baru dalam usaha memperkenalkan alat-alat (*tools*) analisis yang sistematik seperti pendekatan FRISCO. Kajian ini mampu memberi gambaran yang lebih umum dan jelas kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia mengenai

karya *Naladiyar*. *Naladiyar* membincangkan perkara-perkara yang umum kepada semua masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan bangsa.

Kajian ini dapat memberi ruang kepada seseorang individu untuk berfikir di luar sempadan (*out of the box*). Dengan ini kesusasteraan Tamil klasik dapat ditafsirkan atau dilihat dalam dimensi baru. Ia boleh digunakan dalam lingkungan bahasa Tamil dan ia juga boleh diperluaskan ke serata pelusuk dunia sebagai kesusasteraan universal yang mempunyai elemen-elemen pemikiran kritis.

## **Latar Belakang**

### **Kajian Lepas Berkaitan *Naladiyar***

Banyak kajian berkaitan teks *Naladiyar* telah dijalankan sebelum ini. Palanivel Pillai (1947), Devnath (1997), Kamala Kandasamy (2009), Chidambaranath (1986), Balasundaram Pillai (1945) dan Iniyar (1950) telah membincangkan dengan terperinci nilai-nilai kehidupan yang tersebar luas dalam teks *Naladiyar*. Walaupun buku-buku yang ditulis oleh mereka memperincikan aspek-aspek yang diperlukan dalam kehidupan harian seseorang, buku-buku tersebut tidak mengketengahkan proses pemikiran. Pope (1958) telah menterjemah dan menulis *Naladiyar* dalam Bahasa Inggeris.

### **Kajian Lepas Dalam Pemikiran Kritis**

Kajian *Designing and Assessing Tasks to Develop Critical Thinking in EFL Classrooms* dijalankan di Universiti Petra Kristian, Surabaya oleh Herwindy Maria Tedjaatmadja. Ini bertujuan untuk memperkembangkan pemikiran kritis dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Kelas EAP (*English for Academic Purposes*) digunakan sebagai kes untuk membina pemikiran kritis. Tedjaatmadja menggunakan FRISCO dalam kes ini (Herwindy, 2015).

Kajian *Learning Through Case Studies in Health Sciences: Proposal for Adaption to the FRISCO Guidelines* dijalankan oleh Rita Payan Carreira, Maria Joao Monteiro, Maria da Conceicao & Caroline Dominguez di Universiti Trans –os-Montes, Vila Real, Portugal. Bidang sains kesihatan khususnya kejururawatan dan veterinari menggunakan kajian kes sebagai pendekatan utama dalam mempelajari sebab-sebab klinikal dan membuat penilaian serta membuat keputusan. Para pengkaji telah menggunakan proses pemikiran kritis yang digunakan oleh kumpulan webPACT di UTAD, di mana ia merangkumi FRISCO dalam penganalisan teks (Payan, 2015).

Kajian *Problem Solving and Critical Thinking APRENC-Mates: innovative proposal for initial teacher training* dijalankan oleh Claudia Vargas- Diaz di Universiti Santiago, Chile. Semasa mengajar Matematik, kaedah enam elemen asas dalam pemikiran kritis digunakan sebagai alat untuk menyelesaikan masalah matematik.

Kajian *Infusing Critical Thinking in College Courses* ini dibuat oleh Alec Fisher, Nanyang Technological University, Singapura. Ia menerangkan cara bagaimana menanam pengajaran pemikiran kritis dalam kursus-kursus asas seperti sejarah, fizik dan membentuk sebuah kursus pemikiran kritis pada tahap kolej atau universiti. Topik-topik yang dirangkumi adalah penyebab pemikiran kritis, menilai argumen, menyelesaikan masalah dan menilai kredibiliti. Asas yang digunakan adalah teori FRISCO oleh Robert Ennis.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini adalah kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) bersumberkan buku-buku di perpustakaan, jurnal, kertas penyelidikan dan esei-esei berkaitan. Pengumpulan data adalah pengumpulan sajak *Naladiyar* dari teks *Naladiyar*. Sajak-sajak ini adalah data

primer di mana ia adalah hasil karya penyajak *Naladiyar*. Selain teks *Naladiyar* sebagai data primer, hasil penulisan dan hasil kajian yang menggunakan *Naladiyar* sebagai asas digunakan sebagai data sekunder oleh pengkaji.

### **Teori Konstruktivisme**

Teori konstruktivisme merupakan salah sebuah teori pembelajaran yang sangat efektif dalam dunia pendidikan. Piaget merupakan konstruktivis yang pertama meneroka, memperkenalkan dan menghuraikan teori pembelajaran mental Piaget. Menurut Karthegees (2017), konstruktivisme merupakan pendekatan yang digunakan dalam pengajaran dan ia adalah berpandukan kepada penyelidikan tentang pembelajaran manusia. Seseorang boleh membina pengetahuan baharu dengan mentaksir pengetahuan dan pengalaman yang dipunyai mereka; menyesuaikan dengan situasi atau perkara baharu. Kemudian, pengetahuan baharu yang diperolehi diintegrasikan dengan binaan intelektual yang sedia ada. Teori konstruktivisme ini membantu seseorang dalam proses penyelidikan, penganalisan dan persembahan maklumat secara lebih teratur dan berkesan.

### **Pendekatan FRISCO**

FRISCO adalah enam unsur penting yang sepatutnya ada pada proses pemikiran kritis. *Focus, Reasons, Interference, Situations, Clarity* dan *Overview*, adalah enam unsur tersebut dan setiap huruf pertama diambil daripada setiap perkataan tersebut dan dinamakan sebagai FRISCO (Ennis, 1995).

*Focus* – Fokus: Ini adalah perkara pertama yang perlu ditanya dalam mendampingi setiap perkara atau situasi untuk mencungkil keluar tujuan utama. Ia memberi suatu arah kepada seseorang untuk melihat sesebuah masalah atau situasi.

*Reasons* – Sebab: Kita perlu mengetahui sebab-sebab sesuatu perkara itu dilakukan. Keputusan dibuat berdasarkan sebab-sebab yang diberikan. Ia menjadi asas kepada kebolehan dan memberi sokongan kepada proses seterusnya iaitu andaian.

*Inference* – Andaian: Andaian perlu dibuat ke arah mengukuhkan sesuatu keputusan yang akan dibuat. Ia merupakan keupayaan untuk menentukan kesimpulan awal yang sesuai dan boleh diterima, yang mungkin benar atau tidak benar mengenai sesuatu perkara berdasarkan maklumat yang diberi.

*Situation* – Situasi: Sesuatu proses pemikiran yang mempunyai fokus berasaskan kepercayaan yang akan berlaku dalam situasi tertentu. Adalah penting untuk mengetahui situasi tersebut untuk membuat keputusan yang tepat. Ennis menyatakan bahawa pemikiran kritis adalah sepatutnya ke arah kebaikan ataupun untuk tidak memudaratkan sesiapa.

*Clarity* – Kejelasan: Kepentingan untuk menjelaskan sesuatu perkara. Melalui penjelasan sedemikian, tujuan kita akan menjadi amat jelas.

*Overview* – Pandangan atau gambaran keseluruhan: Ini adalah proses untuk kita memastikan apa yang telah kita menganalisis, mengetahui dan pelajari.

Ennis menegaskan, pengintegrasian kesemua kebolehan di atas dalam membuat pemikiran kritis. Proses ini juga, menjadi refleksi metakognitif seseorang pemikir kerana pemikir dapat kesedaran akan apa yang telah dipelajari atau dikaji. Maka, FRISCO digunakan sebagai suatu alat untuk mengamalkan pemikiran kritis.

Kadangkala salah satu perkara mungkin tidak dapat diaplikasikan. Ataupun, ada kalanya kita tidak dapat mengikuti urutan ini dengan tepat. Namun, penggunaan FRISCO dalam proses pemikiran kritis bergantung kepada keadaan sebenar sesuatu perkara dan secara amnya FRISCO dapat diamalkan (Ennis, 1995).

Pengkaji, menggunakan FRISCO dalam kajian ini untuk menganalisis teks *Naladiyar*. Setiap sajak yang diambil akan melalui proses FRISCO. Setelah ia melalui proses FRISCO, kita dapat memastikan bahawa terdapat unsur pemikiran kritis dalam sajak tersebut.

### **Aspek Pemikiran Kritis Dalam *Naladiyar***

Karya agung *Naladiyar* yang berunsurkan kehidupan manusia juga tidak ketinggalan dalam menyumbang ke arah perkembangan pelbagai jenis pemikiran. Walaupun *Naladiyar* dapat dihubungkan dengan pelbagai jenis pemikiran, pemikiran kritis terserlah dalam sajak-sajaknya dan elemen-elemen pemikiran kritis dapat dikenalpasti tersebar luas. Karya ini berkeupayaan untuk membangkitkan persoalan dalam diri setiap orang yang membacanya.

*Naladiyar* memang kaya dengan pemikiran kritis yang merangkumi elemen *Focus, Reason, Inferens, Situation, Clarity* dan *Overview* berpandukan pendekatan FRISCO. Kesemua 400 sajak *Naladiyar* menerapkan dan menggalakkan pemikiran kritis kerana kesemuanya mempunyai makna yang mendalam dan membawa kepada kesejahteraan umum. Kenyataan ini disokong dengan hasil kajian Palanivel Pillay (1947), yang membuktikan bahawa *Naladiyar* membantu dalam pembentukan individu berakhlak dan progresif yang menentukan masyarakat sejahtera. Memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap sajak *Naladiyar* mempunyai gabungan elemen pemikiran kritis.

### **Pendidikan dalam *naladiyar***

Pendidikan memainkan peranan penting untuk mencapai hidup yang berkualiti kerana pendidikan merupakan antara petunjuk terpenting dalam kualiti hidup manusia. Pendidikan membantu individu membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada di persekitarannya, serta memahami diri sendiri. Pendidikan juga bertindak sebagai pemangkin kesejahteraan hidup dengan cara memimpin individu ke arah sumber-sumber ekonomi yang mantap, keupayaan kawalan diri, dan kestabilan hubungan sosial.

Kepentingan pendidikan amat diutamakan dalam teks *Naladiyar*. Ia menyatakan bahawa kehidupan seseorang tidak lengkap tanpa pendidikan (Vethagiri, 1936). Sepuluh buah sajak dikumpul di bawah tajuk pendidikan.

Pendidikan memberi seseorang kecantikan dan ketampanan dan bukannya rupa luar. Sajak *Naladiyar* di bawah menerangkannya.

குஞ்சி அழகும், கொடுந் தானைக் கோட்டழகும்,  
மஞ்சள் அழகும், அழகு அல்ல; நெஞ்சத்து,  
'நல்லம் யாம்' என்னும் நடுவு நிலைமையால்,  
கல்வி அழகே அழகு

*Kunji alagum kodunthannai kottalagum*  
*Manjal alagum alagu alla nenjathu*  
*Nallam yam ennum naduvu nilaimaiyal*  
*Kalvi alage alagu* (Naladi 131)

Sajak ini membawa maksud, pendandanan rambut, pelbagai corak pada pakaian dan persolekan muka wanita khasnya dengan gunakan kunyit bukanlah kecantikan sebenar. Amanah dan kejujuran pada hati hasil

daripada pendidikan yang murni adalah kecantikan yang sebenar. Ia adalah kecantikan yang tiada tolok bandingan.

Ramanathan (1956) memberikan maksud kepada sajak ini dengan mengambil ibarat dandan dan rambut dan pakaian adalah untuk kaum lelaki dan penyapuan kunyit untuk muka adalah bagi kaum wanita. Beliau memberi penerangan bahawa pendidikan adalah sama untuk lelaki dan wanita. Tiada perbezaan dalam mendapatkan pendidikan yang baik antara lelaki dan perempuan.

Menurut Vethagiri (1936) kunyit diumpamakan bukan hanya untuk persolekan wanita, malah ia boleh juga diibaratkan sebagai cendana yang digunakan oleh lelaki dalam persolekan mukanya. Maka beliau menyatakan bahawa pendidikan diberi keutamaan kepada kedua-dua kaum lelaki dan wanita.

Jelas di sini bahawa *Naladiyar* mementingkan atau menyuarakan kepentingan pendidikan kepada kaum lelaki dan juga wanita. Kini, perkara ini lantang diperdengarkan di pesada antarabangsa. Pendidikan untuk kaum wanita diperlekehkan dan mereka dianggap golongan yang yang tidak layak untuk menerima pelajaran (Osita, 2007).

### **Pemikiran Kritis Dalam Tema Pendidikan**

Sajak *Naladiyar* ke-131 yang diteliti di atas memfokuskan pendidikan memberi situasi perbandingan antara kecantikan luaran seseorang dengan keindahan yang diperolehi daripada pendidikan. Sebab penghasialn sajak ini ialah untuk meleraikan isu yang mengkaburi pendidikan. Dalam sajak ini diandaikan bahawa kesukaan yang teramat terhadap kecantikan rupa luar dapat dihentikan. Jelas di sini bahawa, keindahan yang diberikan oleh pendidikan adalah keindahan yang amat tinggi nilainya. Keseluruhnya dapat digambarkan bahawa pendidikan adalah lebih penting berbanding rupa luaran.

### **Kesabaran Dalam *Naladiyar***

Kesabaran seringkali dikaitkan dengan ujian, iaitu kemampuan seseorang individu untuk bersabar atau menahan dan mengawal diri tatkala diri sedang diuji. Namun, ia bukan mudah untuk meraih sebuah kesabaran terutamanya apabila hadirnya ujian tanpa diduga dan tidak pula dipinta (Devnath, 1997). Persoalannya, sejauh manakah seorang individu itu mampu bersabar? Apakah nikmat di sebalik sebuah kesabaran?

Keindahan sesebuah kesabaran bukan hanya terletak pada perkataannya semata-mata. Sebaliknya, keindahan serta kenikmatannya akan dapat dirasakan oleh mereka yang berusaha meraih kesabaran itu sendiri. Kesabaran, perlu dipupuk di dalam diri dan dijaga nilai kesabaran tersebut agar keimanan diri terus terpelihara (*Pathinen Kilkanakku Sotpolivugal*, 1956).

Kesabaran itu hanya mampu diraih oleh mereka yang berusaha untuk mencapainya. Kenikmatan sebuah kesabaran itu pula hanya akan dirasakan oleh mereka yang sabar. Ketinggian nilai kesabaran jelas terbukti yang mana ianya banyak disebut dalam *Naladiyar*.

கோதை அருவிக் குளிர் வரை நல் நாட!  
பேதையோடு யாதும் உரையற்கபேதை !,  
உரைக்கின், சிதைந்து உரைக்கும்; ஒல்லும் வகையால்,  
வழுக்கிக் கழிதலே நன்று.

*Kothai aruvik kulir varai nal naada!  
Pethayodu yathum uraiyatka! Pethai  
Uraikkkin sithanthu uraikkum ollum vakaiyal  
Valukkil kalithale nandru (Naladi 71)*

Sajak di atas menyatakan bahawa tiada gunanya berbual atau berpesan dengan orang yang tidak terpelajar. Balasan daripadanya akan sentiasa berbeza dengan persoalan yang diajukan. Maka, adalah sangat baik tidak mendekati orang sebegini. Ini adalah cara menjaga kesabaran seseorang. Hindarilah orang yang kurang bijak, kalau tidak perbincangan disalah tafsir dan membawa malapetaka.

Sajak *Naladiyar* di atas bermaksud manusia perlu mengelakkan diri daripada orang yang tidak berfikir. Ini kerana, orang yang tidak berfikir akan meluahkan kata-kata yang bersifat kasar dan melukai hati orang lain. Mereka tidak mempunyai kesabaran dalam menangani sesuatu isu. Bagi menghindari masalah dari berkembang manusia dinasihati supaya mengelakkan diri daripada golongan sebegini.

### **Pemikiran Kritis Dalam Tema Kesabaran**

Apabila meneliti sajak *Naladiyar* ke-71 dalam perbincangan di atas dengan pendekatan FRISCO, sebab sajak ini dihasilkan ialah untuk memberitahu umum, kesabaran yang harus dipunyai oleh seseorang apabila berbual dengan orang yang tidak berpelajaran. Andaian yang dibuat ialah, jawapan yang diterima daripada orang tersebut tentulah bertentangan dengan idea orang yang bertanya. Situasi yang dapat dilihat pada sajak ini adalah, perbualan dengan orang yang kurang atau tidak berpelajaran. Kejelasan yang didapati ialah, balasan yang diterima apabila menanyakan soalan ataupun berbual dengan orang yang tidak berpelajaran adalah tidak setimpal dengan harapan orang yang berbual dengannya. Maka, gambaran keseluruhan yang diperolehi daripada sajak ini ialah mengasingkan atau memencilkan diri daripada bergaul dengan orang yang kurang berpelajaran.

Satu lagi elemen utama yang dapat dilihat dalam sajak-sajak *Naladiyar* di bawah tema kesabaran ini ialah kesedaran yang diwujudkan oleh penyair-penyair *Naladiyar*. Setiap sajak memberi kesedaran kepada masyarakat dunia mengenai kesabaran. Sajak-sajak tersebut dihasilkan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Tamil zaman selepas *Sangam* dan ia masih relevan sehingga kini (Devnath,1997).

### **Kebijaksanaan Dalam *Naladiyar***

Kebijaksanaan adalah kepandaian menggunakan akal fikiran atau kecekapan berfikir. Kebijaksanaan merupakan suatu alat yang melindungi orang daripada penghancuran dan selain daripada itu ia juga menjadi kubu dalam yang tidak dapat dihancurkan walaupun oleh musuh (Singaravelu, 2013).

Kebijaksanaan merupakan unsur penting dalam kalangan masyarakat Tamil zaman *sangam* dan *sangam maruviya kalam*, terutamanya pada zaman *Naladiyar*. Ini dilihat dalam sajak-sajak *Naladiyar* yang mementingkan kebijaksanaan.

Pope (1958), menyifatkan kebijaksanaan yang diutamakan dalam *Naladiyar* sebagai kebijaksanaan yang praktikal. Teks *Naladiyar* yang diterjemahkan olehnya, menamakan kebijaksanaan sebagai *the possession of practical wisdom*. Kini, keperluan kebijaksanaan praktikal diutamakan dalam segala aspek atau amalan di dunia.

Paul O'grady menyatakan terdapat perbezaan di antara pengetahuan dan kebijaksanaan. Contohnya kita boleh membezakan dengan jenis pengetahuan teori untuk menjadi ahli matematik atau

sains yang baik dengan pengetahuan praktikal yang diperlukan untuk menjadi seorang pentadbir yang baik. Kita juga boleh memikirkan jenis pengetahuan empatik yang diperlukan untuk personaliti interpersonal yang baik ataupun pengetahuan teknikal yang diperlukan untuk menjadi mekanik yang bagus (Perjalanan Menuju Kebijaksanaan, 2018)

Kebijaksanaan menitikberatkan pengetahuan yang diperlukan untuk hidup dengan lebih baik. Kebijaksanaan adalah berkenaan dengan jenis pengetahuan yang diperlukan untuk hidup dengan lebih baik. Aristotle membezakan di antara kebijaksanaan teoritikal dan kebijaksanaan praktikal. Kebijaksanaan teoritikal adalah renungan yang mendalam terhadap realiti, contohnya pemikiran tentang metafizik atau sudut pandang dunia sekarang. Manakala kebijaksanaan praktikal adalah pembelajaran berkenaan kehidupan yang baik seperti etika dan moral (Perjalanan Menuju Kebijaksanaan, 2018)

*Naladiyar*, sebagai teks yang membincangkan nilai etika dan moral, jelas menyarankan kebijaksanaan praktikal dalam sajak-sajaknya.

பகைவர் பணிவு இடம் நோக்கி, தகவு உடையார்  
தாமேயும் நாணித் தலைச்செல்லார்;-காணாய்;  
இளம் பிறை ஆயக்கால் திங்களைச் சேராது,  
அணங்கு அருந் துப்பின் அரா.

*Pagaivar panivu idam nokki thagavu udaiyar*  
*Thameyum naanith thalaisellaar - kaanaai*  
*Ilam pirai aayakkaal thingkai seerathu*  
*Anangku arunth thuppin araa*

(*Naladiyar* 241)

Sajak ini membawa maksud, seseorang yang bijaksana tidak akan menentang atau bertempur dengan musuhnya apabila musuh itu lemah. Mereka akan berprihatin atas situasi musuh mereka.

### **Pemikiran Kritis Dalam Tema Kebijaksanaan**

Elemen-elemen FRISCO iaitu fokus, sebab, inferens atau andaian, situasi, kejelasan dan gambaran keseluruhan dapat dilihat diterapkan dalam sajak di atas

. Fokus sajak di atas adalah kebijaksanaan. Sajak ini memberi situasi gerhana bulan di mana gerhana berlaku pada waktu bulan mengambang dan bukannya pada waktu bulan sabit. Ia membuatkan suatu andaian dibuat di mana kebijaksanaan tidak akan mengambil kesempatan terhadap kelemahan. Ini memberikan sebab untuk penggubalan sajak tersebut iaitu menunjukkan kepada dunia mengenai kebijaksanaan dan keprihatinan. Jelas di sini bahawa sajak ini mengutarakan kebijaksanaan tidak akan ditunjukkan ke atas seseorang yang lemah. Satu gambaran umum didapati melalui sajak ini iaitu kebijaksanaan tidak akan mengambil kesempatan terhadap kelemahan seseorang.

### **Kesimpulan**

Sajak-sajak dalam teks *Naladiyar* dikategorikan mengikut tema dan dianalisis untuk mengetahui elemen-elemen pemikiran kritis yang wujud di dalamnya. Tema-tema yang dianalisis ialah pendidikan, kesabaran dan kebijaksanaan .

Pendekatan FRISCO oleh Ennis, digunakan untuk mengetahui elemen-elemen pemikiran kritis yang wujud dalam sajak-sajak teks *Naladiyar*. Elemen-elemen pemikiran kritis dalam pendekatan FRISCO iaitu *Focus, Reason, Inferens, Situation, Clarity* dan *Overview* tersebar luas dalam sajak-sajak *Naladiyar*.



Di samping itu satu lagi elemen didapati wujud dalam teks *Naladiyar*, iaitu *Awareness* (kesedaran). Kesemua sajak *Naladiyar* apabila dianalisis mengutarakan elemen ini. Dalam zaman yang bergerak pantas dan serba moden ini, kesedaran dalam semua perkara menjadi elemen yang tidak dihiraukan atau difahami oleh masyarakat. Tanpa kesedaran manusia telah hilangkan banyak perkara yang amat bernilai di atas muka bumi ini. Contohnya alam sekitar, kurniaan alam sekitar, perikemanusiaan, keprihatinan dan banyak lagi perkara yang harus dihargai manusia kian hilang dan mengalami ancaman. Kesedaran harus diwujudkan untuk dunia ini terus kekal bahagia, sekurang-kurangnya terus ‘bernafas’ supaya ia dihulurkan kepada generasi akan datang dengan selamat. Menyedari hakikat ini, elemen *Awareness* (kesedaran) dalam teks *Naladiyar* disertakan sebagai satu elemen yang penting dalam barisan elemen pemikiran kritis di bawah pendekatan FRISCO. Maka pengkaji menerbitkan satu pendekatan baru yang dinamakan FARISCO yang berasal daripada pendekatan FRISCO, di mana *A* untuk *Awareness* diselitkan dalam elemen-elemen pemikiran kritis. FARISCO dapat digunakan sebagai pendekatan terkini dalam kajian-kajian akan datang mengenai kesusasteraan secara umumnya dan kesusasteraan Tamil khususnya. *Focus, Awareness, Reason, Inference, Situation, Clarity* dan *Overview*.

Pendekatan FARISCO akan dapat digunakan sebagai pendekatan yang lebih komprehensif dalam kajian kesusasteraan akan datang kerana ia akan memberi kesedaran supaya khazanah alam di bumi ini dan khazanah etika dan moral dalam hati setiap manusia dipelihara dan dihormati supaya kehidupan seseorang kekal bahagia.

Teks *Naladiyar* terbukti mengikuti satu urutan yang sistematik dalam penerapan elemen-elemen pemikiran kritis. Semua elemen FARISCO diterapkan dalam sajak-sajak *Naladiyar* secara sistematik walaupun kedudukan dalam urutan itu kadangkala berubah tempat. Ini adalah sehaluan dengan pernyataan Ennis yang mengatakan urutan *Focus, Reason, Inferens, Situation, Clarity* dan *Overview* boleh berubah kedudukan dan adakalanya salah satu elemen tersebut tidak wujud. Namun situasi ini tidak menjadi halangan untuk kehadiran pemikiran kritis dalam perkara atau keadaan yang dibincangkan, kata Ennis. Maka sajak-sajak *Naladiyar* membuktikan kepada dunia bahawa kesusasteraan Tamil klasik yang wujud pada zaman *Sangam* dan zaman selepas *Sangam*, mencetuskan pemikiran yang setara dengan teori atau pendekatan pemikiran masa kini. Ini secara langsung menunjukkan kepada dunia bahawa keagungan pemikiran pujangga dan cendekiawan tradisi Tamil adalah setara dengan teori pada zaman yang serba moden ini. Dengan ini, kenyataan yang diwar-warkan oleh sesetengah orang bahawa kesusasteraan Tamil adalah tidak sesuai untuk zaman ini dan tidak boleh lagi digunakan dalam dunia hari ini harus ditolak sama sekali. Tidak dapat dinafikan bahawa hasil kesusasteraan Tamil klasik berpotensi untuk beredar dengan peredaran zaman dan masa.

## Rumusan

Kajian bertajuk ‘Pemikiran Kritis dalam tekas *Naladiyar* mendedahkan beberapa penemuan penting. Kesusasteraan Tamil klasik sebagai hasil kesusasteraan yang terawal dapat mencerminkan kehidupan masyarakat Tamil awal. Ini adalah kerana kesusasteraan pada zaman *sangam* dan *sangam maruviya kalam* telah merekodkan pelbagai bentuk pemikiran termasuk pemikiran kritis. Berdasarkan analisis yang dikendalikan, masyarakat zaman *Sangam* dan selepas zaman *sangam* memiliki dan mengamalkan pemikiran yang amat unik dan tersendiri. Tetapi, masyarakat Tamil masa kini, kurang mengenali arau mengetahui pemikiran yang diamalkan oleh masyarakat Tamil klasik. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan dengan objektif untuk memberi kesedaran kepada masyarakat secara umum dan masyarakat Tamil secara khusus terhadap kemahiran berfikir yang diamalkan oleh masyarakat Tamil klasik. Jenis pemikiran yang diutamakan ialah pemikiran kritis. Sehaluan dengan matlamat tersebut, sajak-sajak dalam teks *Naladiyar*

diteliti, dinilai dan dianalisis supaya pemikiran kritis yang dipunyai dan menjadi amalan masyarakat Tamil klasik dapat didedahkan.

Menerusi kajian ini beberapa pengenalpastian telah dicapai. Walaupun banyak kajian terhadap *Naladiyar* dibuat dan diterbitkan sebagai buku, usaha-usaha tersebut hanyalah pengumpulan data dan penerangan terperinci mengenai nilai-nilai yang diterapkan dalam teks *Naladiyar*. Kajian-kajian tersebut tidak menggunakan sebarang teori atau pendekatan. Penelitian terhadap teks *Naladiyar* membuatkan pengkaji menemukan masyarakat zaman selepas *Sangam* memberi keutamaan kepada pendidikan. *Naladiyar*, memberi kepentingan kepada alam sekitar. Kehidupan masyarakat pada zaman *Naladiyar*, sehati dengan alam sekitar.

Kajian terhadap *Naladiyar*, mendedahkan masyarakat Tamil zaman selepas *Sangam* telah menggunakan pelbagai jenis teknik atau kaedah pemikiran seperti mana yang diperkenalkan dewasa ini. Misalnya, apabila sajak-sajak *Naladiyar* diteliti secara terperinci untuk mendapatkan elemen-elemen pemikiran kritis, elemen penggunaan pemikiran lain turut dikenalpasti. Elemen-elemen teknik pemikiran lateral seperti kreatif, konstruktif dan reflektif serta pemikiran vertikal seperti pemikiran positif dapat dilihat tersebar dalam sajak-sajak *Naladiyar*. Masyarakat Tamil zaman *Sangam* dan zaman selepas *Sangam*, mengambil kira pemikiran dengan pendekatan positif sebagai memberikan keyakinan dan motivasi kepada mereka, tetapi pemikiran dengan pendekatan negatif diambil sebagai seolah-olah memberi amaran terhadap bahaya yang bakal menimpa. Penemuan ini memberi gambaran terhadap teks *Naladiyar* untuk digunakan sebagai salah satu mod pengajaran bagi memperkenalkan konsep pemikiran secara umum dan pemikiran kritis secara khusus kepada masyarakat kini.

Di samping itu, masyarakat Tamil awal menggunakan penguasaan pemikiran kritis mereka untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Teks *Naladiyar* jelas menggambarkan keadaan sesebuah negara yang begitu kaya dengan bukan hanya sumber alam semulajadi malah ekonomi dan taraf hidup masyarakat. Oleh kerana kekayaan seperti ini dinikmati masyarakat Tamil pada zaman *Naladiyar*, mereka mempunyai keupayaan dari segi kewangan dan sosial untuk menumpukan perhatian mereka dalam aktiviti-aktiviti seni dan budaya. Penguasaan pemikiran kritis secara tidak langsung dapat membolehkan mereka mengaplikasikan pemikiran tersebut dalam kehidupan harian mereka. Mereka menjalankan kehidupan yang amat murni. Pemikiran kritis yang diamalkan dalam segala kegiatan harian turut menampakkan satu keserasian dengan alam sekitar. Ini amat berbeza dengan situasi dunia hari ini. Dunia kini lebih suka dan giat mengganggu sistem ekologi dunia. Kebanyakan ciptaan baru yang merupakan rekaan sains dan teknologi walaupun mempunyai niat baik tetapi turut menyumbang ke arah kesemestaan alam sekitar.

## Rujukan

- Ainon Mohd, & Abdullah Hassan. (2003). Belajar berfikir. Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Balasundaram Pillai. (1945). *Naladiyar Thiruvullam*. Chennai: The South India Saiva Siddhanta Works Publishing Society Tinnevely Ltd.
- Beyer, B. K. (1988). *Developing a thinking skills program*. Boston: Allyn and Bacon.
- Chidambaranath, (1964), *Neethi Ilakkiyangkalil Ilakkiya Nayam*. Chennai: The South India Saiva Siddhanta Works Publishing Society Tinnevely Ltd.
- \_\_\_\_\_, (1986), *Pathinen Keelkanakkum Tamilar Valvum*. Chennai: Sivagami Chidambaranar Ilakkiya Nilayam
- Devnath C, S. (1997). *Magilvodu Vala Naladiyar Kattum Valigal*. Chennai: Narmatha Pathippagam

- Ennis Robert H. (1995), *Critical Thinking*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fisher, A. (2001). *Critical thinking: An introduction*. Cambridge: Cambridge University Press
- Fisher, A. & Michael Scriven. (1997). *Critical thinking - its definition and assessment*. USA: Edge Press.
- Herwindy, T. M. (2015). *Designing and Assessing Tasks to Develop Critical Thinking in EPL Classrooms*. Retrieved July 1, 2018, from <https://www.researchgate.net/>
- Iniyan. K. (1950), *Naladiyar Vilakkak Kataigal*. Chennai: The South India Saiva Siddhanta Works Publishing Society Tinnevelly Ltd
- Kamala Kandasamy. (2009), *Naladiyar Kattum Nalvalvu Pathai*. Chennai: Nivethitha Puthaka Poongka.
- Karthegees, P. (2017). Pemikiran kritis dan amalannya dalam masyarakat India berpendidikan Tamil di Malaysia berpandukan teks *Tirukkural*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Osita, obina E. (2007). *Neglect of Girl Child Education: bridging the gap. A case study of a Nigerian agrarian northern community*. *International NGO Journal*, 2(2), 30–35.
- Palanivel Pillai Pe. (1947) . *Naladi Inbam*. Chennai: The South India Saiva Siddhanta Works Publishing Society Tinnevelly Ltd.
- Pathinen Kilkanakku – Sotpolivugal*. (1956). Chennai: The South India Saiva Siddhantha Works Publishing Society, Tinnelvely Ltd.
- Payan Carreira, Rita & Monteiro, Maria & Rainho, Conceiçao & Dominguez, Caroline. (2015). Learning Through Case Studies in Health Sciences: Proposal for Adaptation of the Frisco Guidelines. 10.13140/RG.2.1.1418.0968.
- Perjalanan Menuju Kebijaksanaan. (2018, February 28). Retrieved May 15, 2019, from <https://www.thepatriots.asia>.
- Pope G.U., & Ellis F.W. (1958). *Naladiyar with translation in English*. Chennai: The South India Saiva Siddhanta Works Publishing Society Tinnelvely Ltd.
- Pope, G.U. (1893). *The Nalatiyar or Four Hundred Quatrains in Tamil*. The Clarendon Press, Oxford
- Singaravelu Sachithanantham. (2013). *Thirukkural*. Kuala Lumpur: Uma Publications.
- Ramanathan Mi.Po. (1956). *Naladiyar Telivurai*. Chennai: Palaniappa Brothers.
- Vethagiri Mudaliyar. (1936). *Naladiyar Moolamum Urayum*. Chennai: Vitya Ratnagara Publication.